

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 MEI 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 26

### Misi lonjak ekonomi digital

Kuala Lumpur

Kerajaan merancang menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab syarikat pemula dan industri digital serantau dalam usaha melonjakkan lagi aktiviti ekonomi digital negara.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, ekonomi digital merupakan satu daripada tiga sektor strategik bernilai tinggi dan mampu merancakkan pelaburan serta menawarkan pekerjaan berjaya tinggi kepada rakyat yang diberi tumpuan oleh kementerian dalam pensructuran semula ekonomi negara.

"Selain dari melonjakkan industri sedia ada seperti semikonduktor, perkilangan, minyak dan gas, komoditi ke peringkat rantai nilai yang bernilai tinggi dengan fokus kepada proses penghiliran nilai tinggi, tiga sektor strategik yang diberi tumpuan oleh Kementerian Ekonomi adalah peralihan tenaga ke arah tenaga boleh baharu, ekonomi digital dan keterjaminan makanan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Justeru, kementerian kini sedang bekerjasama dengan kementerian lain yang terlibat di dalam ekosistem ekonomi digital iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Komunikasi dan Digital; dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri untuk merancakkan ekonomi digital negara.

Rafizi menjelaskan kerja-

# Bisnes

## MISI LONJAK EKONOMI DIGITAL

*Kerajaan sasar Kuala Lumpur jadi hab syarikat pemula, industri digital serantau*

sama itu perlu bagi menyelaraskan sistem sokongan awam yang dilaksanakan melalui pelbagai agensi ke arah pendekatan bersepudu untuk menambahbaik ekosistem digital yang lebih berkesan.

"Ini akan meningkatkan jumlah dan prestasi syarikat pemula, serta mempercepatkan peralihan sektor swasta kepada ekonomi digital," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kerjasama dengan kementerian terlibat juga bertujuan

mempelukai pembangunan konsep dan penyelarasan fungsi di antara agensi-agensi kerajaan ke arah pelaksanaan kerajaan digital yang menghasilkan produk-produk perkhidmatan awam berasaskan data dan digital secara bersepudu.

"Satu langkah utama untuk mencapai kedua-dua sasaran ini ialah mening-

katkan daya tarikan Kuala Lumpur sebagai pusat syarikat pemula dan industri digital serantau untuk menarik pelaburan dan bantuan digital ke negara ini.

"Ia memerlukan perubahan dasar yang agresif yang mencakupi pelbagai bidang, termasuk penyatauan usaha agensi kerajaan, proses visa pekerjaan yang lebih

cekap dan terbuka, insentif digital yang lebih menarik dan penghasilan tenaga kerja dalam industri digital pada skala nasional," katanya.

Menurut Rafizi, semasa menghadiri Forum Ekonomi Qatar baru-baru ini, beliau turut berpeluang berbincang dengan Jack Selby yang merupakan kakitangan terawal PayPal bersama-sama kumpulan pengasas syarikat seperti Elon Musk, Peter Thiel dan Reid Hoffman.

"Kumpulan pengasas Pa-

“  
Ia memerlukan perubahan dasar yang agresif yang mencakupi pelbagai bidang  
Rafizi